

07 JUN 1996

MELAKA AKAN LOBI AWAL BAGI ANJUR SUKMA 2002

ALOR GAJAH, 7 Jun (Bernama) -- Kerajaan negeri Melaka akan memulakan usaha awal bagi kempen untuk menjadi tuan rumah Sukan Malaysia (Sukma) ke sembilan pada tahun 2002 ekoran kegagalan menjadi tuan rumah Sukma 2000.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani berkata usaha akan dijalankan untuk menyakinkan negeri-negeri lain supaya menyokong permohonan Melaka kelak.

"Usaha awal bagi menguatkan permintaan itu ialah dengan menyiapkan segera kompleks sukan negeri di Paya Rumput yang akan menyediakan kemudahan lengkap bagi menganjurkan sebuah kejohanan sukan yang besar," katanya selepas merasmikan mesyuarat agung Umno Cawangan Brisu di sini.

Pulau Pinang dipilih menjadi tuan rumah Sukma 2000 pada pengundian yang dibuat di Kuantan minggu ini. Sukma 1998 akan berlangsung di Kedah.

Mohd Zin berkata kompleks berharga RM206 juta itu yang dimajukan secara usahasama antara kerajaan negeri dan sebuah syarikat tempatan, GEAHIN Engineering Berhad (Geahin) dijadualkan siap akhir tahun depan.

Memorandum persefahaman bagi pelaksanaan projek itu ditandatangani di sini semalam dan Geahin akan menampung sebanyak RM146 juta bagi kos pembinaan kompleks di tapak seluas 80 hektar itu.

Kerajaan negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM60 juta.

Mohd Zin berkata kerajaan negeri akan menyerahkan tapak pembangunan yang bernilai RM146 kepada GEAHIN bagi mengganti kos yang ditanggung oleh syarikat itu bagi membina kompleks berkenaan.

Katanya, sebahagian daripada tapak cadangan awal kompleks sukan negeri di kawasan seluas 120 hektar di Air Keroh akan diserahkan kepada GEAHIN dan penilaian tapak itu sedang dibuat.

Mengenai desakan DAP supaya tapak di Air Keroh itu dimajukan bagi projek kepentingan rakyat, Mohd Zin berkata perkara itu tidak timbul kerana pembinaan kompleks sukan negeri memang bagi kepentingan rakyat.

Kerajaan negeri hanya memindahkan tapak kerana tapak asal didapati tidak lagi sesuai kerana sesak dan terletak di kawasan pembangunan pelancongan dan industri, katanya.

Sementara itu, Mohd Zin berkata kutipan bagi Tabung Pembinaan Masjid di Bosnia Herzegovina yang dianjurkan kerajaan negeri telah mencapai jumlah sebanyak RM700,000.

Tabung yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa melawat Melaka bulan lepas bertujuan mengumpulkan derma sebanyak RM1 juta bagi membina sebuah masjid berciri rekabentuk Masjid Negeri Melaka sebagai hadiah kepada umat Islam di Bosnia.

-- Bernama

MOZ AHH